



**BARISAN Guru Tingkatan 6 Barisan Jakmas KKU1B dan Barisan Pelajar Tingkatan 6.**

# Jakmas Kolej Kediaman Usia 1 borneo jayakan Delegasi dan Motivasi (Deletivasi) Srikandi di Semporna

UB 3.5.2018 B2

**SEMPORNA:** Exco Akademik dan Kerjaya bagi Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa Kolej Kediaman Usia 1 Borneo (KKU1B), Universiti Malaysia Sabah menganjurkan program Delegasi dan Motivasi (Deletivasi) Srikandi baru-baru ini.

Menurut Pengarah Program, Nurul Hazerah Ahmad, Program Delegasi adalah tertumpu kepada Pekan Semporna yang mana Jakmas KKU1B mengkaji kebudayaan dan kesenian masyarakat Semporna melalui Pesta Regatta Lepa ke-25 yang diadakan pada 20 dan 21 April 2018.

Program Motivasi adalah tertumpu kepada pelajar Tingkatan 6 di Sekolah Menengah Agama Tun Sakaran (SMATS).

“Program motivasi ini adalah aktiviti tahunan yang memberi manfaat yang besar bukan sahaja kepada pemimpin

pelajar di KKU1B bahkan juga kepada peserta program iaitu pelajar Tingkatan 6 melalui perkongsian pengalaman dan pengetahuan mengenai alam universiti yang bakal mereka jejak nanti,” katanya.

Program yang bertemakan ‘Sederap Langkah Menuju ke Menara Gading’ ini adalah bertujuan mengupas isu-isu yang sering dihadapi oleh pelajar di dalam persekitaran sekolah serta membincangkan langkah penyelesaian yang tepat untuk mengatasi isu berkenaan.

Selain itu juga, program ini adalah untuk melatih pelajar berfikiran seperti mahasiswa di samping menguji kecekalan dan keterbukaan minda mereka terhadap perancangan masa depan diri.

Program ini adalah untuk membentuk sahsiah pelajar agar termotivasi dalam meningkatkan diri khususnya dalam bidang akademik.



**JAKMAS di Pesta Regatta Lepa bersama salah seorang Ratu Lepa.**